# Laporan Tahunan 2014

*Merentasi 100 Tahun*
*Ekspektasi Perburuhan Negara*

**JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA




## Rasional

Rekabentuk montaj menggambarkan garis masa dalam sepanjang tempoh 100 tahun perburuhan negara sejajar dengan motto Laporan Tahunan JTKSM untuk tahun ini iaitu; "Merentasi 100 Tahun Ekspetasi Perburuhan Negara".

Imej montaj yang di gambarkan meliputi pelbagai bidang perburuhan dari sistem perladangan tradisional, perlombongan, perdagangan yang membawa kepada pemodenan negara bermula dari era 1900an hingga ke hari ini.

Menara KLCC dan panorama bandaraya Kuala Lumpur yang merupakan imej utama kulit hadapan adalah simbolik kepada arus pemodenan yang berlaku hasil daripada keberkesanan fungsi dinamik JTKSM dalam meneraju kecemerlangan pentadbiran perburuhan dalam negara.

## *Rationale*

*The montage design depicting the timeline in over 100 years of national labor in line with this year's motto of the JTKSM Annual Report namely; "Merentasi 100 Tahun Ekspetasi Perburuhan Negara".*

*Image that depicted covering various areas of labor from traditional farming systems, mining, trade manufacturing, which led to the modernization of the country starting from the 1900s to the present day.*

*Menara KLCC and Kuala Lumpur city panorama which is the main image of the cover is symbolic of the modernization that occurred as a result of JTKSM dynamic function effectiveness in leading the excellence of labour administration in the country.*

# KANDUNGAN
# *CONTENT*


06 **PERUTUSAN KETUA PENGARAH**
*MESSAGE FROM THE DIRECTOR GENERAL*

10 **PROFIL KORPORAT**
*CORPORATE PROFILE*

18 **BAB 1: AKTIVITI YANG MELINDUNGI KEBAJIKAN DAN HAK PEKERJA**
*CHAPTER 1: WORKERS RIGHTS AND WELFARE PROTECTION ACTIVITIES*

36 **BAB 2: AKTIVITI KHIDMAT NASIHAT DAN TEKNIKAL**
*CHAPTER 2: ADVISORY AND TECHNICAL ACTIVITIES*

46 **BAB 3: AKTIVITI-AKTIVITI PROMOSIONAL**
*CHAPTER 3: PROMOTIONAL ACTIVITIES*

**BAB 4: AKTIVITI TADBIR URUS**
*CHAPTER 4: ACTIVITY OF GOVERNANCE* 58

**BAB 5 : KAJIAN PERBURUHAN DAN PINDAAN UNDANG-UNDANG**
*CHAPTER 5: LABOUR RESEARCH AND LAW REVIEW* 74

**JTKSM @ MEDIA**
*JTKSM @ MEDIA* 86

**JTKSM @ SANTAI**
*JTKSM @ SOCIAL* 90

**JTKSM @ LOKASI**
*JTKSM @ LOCATION* 100

**JTKSM @ SIDANG REDAKSI**
*JTKSM @ EDITORS* 112



Welcome
Welkom
Добредојдовте
स्वागत
Mirëseerdhët
Bem-Vindo
Καλωσορίζω
Welcome
Benvenuto
Vítáme tě
欢迎
أهلاً و سهلاً
Vítáme tě
Bem-Vindo
Добро пожаловать
Willkommen
欢迎
ようこそ
Vítáme tě
Benvenuto
Welcome
Bem-Vindo
Welcome
أهلاً و سهلاً
स्वागत
أهلاً و سهلاً
Hoşgeldiniz
خوش آمدید
Welkom
Hoşgeldiniz
Bem-Vindo
Καλωσορίζω
Bem-Vindo
Maligayang Pagdating
Bienvenue
Welcome
Mirëseerdhët
خوش آمدید
Bem-Vindo
Καλωσορίζω
Maligayang Pagdating
أهلاً و سهلاً
Vítáme tě
Welkom
Bienvenido
ようこそ
Hoşgeldiniz
Добредојдовте
Добро пожаловать
स्वागत
Καλωσορίζω
Maligayang Pagdating
خوش آمدید
Bem-Vindo
स्वागत
Bienvenue
Benvenuto
Bem-Vindo
Καλωσορίζω
أهلاً و سهلاً
Vítáme tě
Mirëseerdhët
Mirëseerdhët

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

## MESSAGE FROM THE DIRECTOR GENERAL OF LABOUR PENINSULAR MALAYSIA



## PERUTUSAN KETUA PENGARAH TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

السلام عليكم

Tahun 2014 merupakan satu lagi tahun yang mencabar keupayaan JTKSM dalam menguatkuasakan Undang-Undang Perburuhan Negara sedia ada di samping diberi tanggungjawab baru menguatkuasakan Perintah Gaji Minimum yang menjadi agenda utama aktiviti penguatkuasaan. Agenda ini telah menjadi Prestasi Petunjuk Utama YB Menteri Sumber Manusia [*Minister Key Performance Indicator* (MKPI)] yang telah menggariskan aktiviti pemeriksaan sebagai medium untuk memastikan pematuhan Perintah Gaji Minimum dalam kalangan majikan. Sepanjang tahun 2014, MKPI telah mensasarkan pemeriksaan sebanyak 21,360 premis majikan. Berkat komitmen para pegawai dan strategi terancang JTKSM telah meraih pencapaian sebanyak 24,167 melebihi sasaran 113 peratus.

Aspirasi negara untuk terus mempertingkatkan penempatan pekerjaan menjadi agenda nasional yang digalas dan dilaksanakan oleh JTKSM. Atas matlamat ini aktiviti penempatan pekerjaan juga telah dijadikan MKPI yang telah mensasarkan 220,000 penempatan. Kesungguhan JTKSM untuk mencapai sasaran telah dizahirkan melalui pencapaian yang amat membanggakan apabila berjaya melaksanakan sebanyak 259,767 penempatan pekerjaan di seluruh Semenanjung Malaysia melebihi sasaran 118 peratus. Bagi mempelbagaikan program-program di bawah penempatan pekerjaan, JTKSM telah memperluaskan skop aktiviti ini meliputi golongan pesara. Inisiatif terbaru ini menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi membantu pesara, bakal pesara dan pesara tentera yang berminat untuk bekerja semula, mendapatkan pekerjaan di bawah Teras Panduan Bekerja Semula melalui Program 1PESARA yang bertujuan menjaga kebajikan pesara penjawat awam.

Komitmen JTKSM sebagai pentadbir perburuhan negara bukan sahaja terhad kepada penguatkuasaan malah bertindak sebagai pemudahcara dalam memberi kesedaran dan kefahaman tentang undang-undang dan dasar-dasar perburuhan. Justeru, perkhidmatan khidmat nasihat akan sentiasa menjadi agenda utama Jabatan ini. JTKSM sentiasa memberikan khidmat nasihat perburuhan terbaik secara percuma kepada para pelanggan Jabatan seperti majikan dan pekerja, Pertubuhan Bukan Kerajaan serta orang awam. JTKSM juga terus memperkukuhkan hubungan dan libat urus dengan masyarakat industri secara aktif melalui penganjuran pelbagai seminar, bengkel, dialog industri dan juga Dialog Pekerja Domestik Asing (PDA) yang bertujuan untuk mendidik masyarakat di Negara ini tentang hak-hak pekerja dan majikan serta isu-isu semasa mengenai perburuhan.

## *MESSAGE FROM THE DIRECTOR GENERAL OF LABOUR PENINSULAR MALAYSIA*

السلام عليكم

*The year 2014 is another challenging year for JTKSM to prove our capabilities in enforcement of existing National Labour Law as well as new responsibility to enforcing the Minimum Wage Order as the main enforcement agenda. This agenda has become the Minister Key Performance Indicator (MKPI) which outlined inspection activities as a medium to ensure the compliance of the Minimum Wage Order among employees. Throughout the year 2014, the MKPI has been targeting a total of 21,360 premises for the employer's premises inspection. Thanks to the officer's commitment and well-planned strategies, JTKSM has inspected a sum of 24,167 employer's premises which exceeded the target of 113 percent.*

*The nation's aspirations to continually improving job placement has became a national agenda which handled and implemented by JTKSM. As for this goals, job placement activities have also been set as the MKPI which targeting 220,000 placement. The determination of JTKSM in achieving the target has been disclosed through a very commendable achievement when JTKSM successfully implemented a sum of 259,767 job placement, exceeding the target of 118 percents throughout Peninsular Malaysia. In order to diversify programmes under job placement, JTKSM has expended the scope of these activities includes pensioners. This latest initiative using an approach named National Blue Ocean Strategy involving the Public Service Department (PSD) helping the retirees, pensioner-to-be, and military retirees who are interested to be reemployed, to get a job under The Core of Reemployment Guide through 1PESARA Programme which aimed to care the welfare of retired civil servant.*

*JTKSM commitment as national labour administrator are not only limited to enforcement but also act as a facilitator in creating awareness and understanding regarding the law and labour policies. Thus, the advisory service will always be the main agenda of the Department. JTKSM always gives the best labour advice for free to customers such as employees and employers, Non-Governmental Organizations also to the general public. JTKSM also continue to strengthen relationships and involvement with the industry community actively through organizing various seminars, workshops, industry dialogues and also Foreign Domestic Workers (FDW) Dialogue which aimed at educating society about the rights of workers and employers as well as current issues on labour.*

Kerajaan terus menghargai sumbangan sektor perladangan kepada ekonomi negara. Justeru itu, JTKSM terus berusaha menjadikan sektor perladangan menjadi menarik dan mampu menyediakan kemudahan asas yang berkualiti kepada warga pekerjanya. Kerajaan melalui JTKSM telah menyediakan projek pembangunan ladang melalui Projek Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet dan kemudahan asas Bekalan Air Awam Estet diteruskan dan dipertingkatkan untuk kemajuan kualiti kehidupan pekerja-pekerja yang tinggal di ladang.

JTKSM sentiasa menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dengan melaksanakan pembangunan sistem e-Mahkamah Buruh (eLC). Pembangunan sistem ini mengambil masa selama 6 bulan dan telah berjaya disiapkan pada Disember 2014 serta boleh diakses sepenuhnya pada tahun 2015. JTKSM juga telah menambahbaik sistem e-Pampasan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan pampasan pekerja asing. Urusan pengendalian dan penyelesaikan aduan perburuhan dipertingkatkan secara profesional dengan penuh serius, telus, adil dan cekap demi menjamin kepuasan pelanggan. Bagi pengurusan pengendalian aduan buruh, JTKSM telah mendapat pengiktirafan diberi sijil MS ISO 9001: 2008 selama 3 tahun iaitu bermula daripada 25 Februari 2014 hingga 24 Februari 2017.

Akhir kata saya mengucapkan syabas kepada semua warga JTKSM di atas pencapaian yang membanggakan ini. Semoga ia dapat diteruskan dan dipertingkatkan di tahun-tahun yang akan datang. Saya juga juga berharap penerbitan Laporan Tahunan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia 2014 ini memberi manfaat dan faedah kepada semua golongan masyarakat industri khususnya dan kepada masyarakat umum secara amnya.

Terima kasih.

Salam Hormat,

*The Government continues to appreciate the contribution of the plantation sector to the national economy. Therefore, JTKSM continue to strive to make the plantation sector to become attractive and able to provide quality basic facilities for its employees. The government through JTKSM has been providing estate development projects through a Special Home Financing Scheme for Estate Workers and utilities such as Public Water Supply for Estates continued and improved for the development of the quality of life of employees living in the estate.*

*JTKSM always improve delivery service system for customers by implementing the development of the e-Labour Court (eLC) system. The development of this system takes about six months and was successfully completed in December 2014 and is accessible by the year 2015. JTKSM has also been improving e-Compensation system to enhance the effectiveness of the foreign workers compensation management. The management of handling and solving labour complaints are professionally enhanced, transparent, fair and efficient to ensure customer satisfaction. For labour complaints handling management, JTKSM has gained the recognition and awarded with MS ISO 9001:2008 for 3 years, starting from 25th February 2014 until 24th February 2017.*

*Finally, I congratulate all officer and staff of JTKSM for a commendable achievement. Hopefully it can be continued and enhanced in the years ahead. I also hope that the publication of the 2014 Annual Report of the Labour Department Peninsular Malaysia benefits to all social groups, in particular industry and generally to the public.*

*Thank you.*

*Best Regards,*



MOHD. JEFFREY BIN JOAKIM
KETUA PENGARAH
TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA


PROFIL KORPORAT / CORPORATE PROFILE
VISI
Peneraju utama kecemerlangan pentadbiran perburuhan di sektor swasta.
MISI
Memperkasa pentadbiran perburuhan untuk meningkatkan kebajikan warga pekerja dan kepentingan para majikan; dan
Memperluaskan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan pasaran buruh.
OBJEKTIF
Melindungi kepentingan dan memajukan kepentingan masyarakat industri;
Mengutama dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara;
Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi; dan
Mewujudkan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.
D
LITI
njung Malaysia adalah komited untuk mengendalikan
ewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin
ngkatkan secara berterusan.
VISION
A leading excellence of labour administration in the private sector.
MISSION
Strengthen labour administration to improve the welfare of employees and the interests of the employer; and
Expanding job opportunities to meet the needs of the labour market.
ECTIVE
Protect and promote the interests of Community industry;
Sustain and maintain employment opportunities to the citizens;
Help the industry to enhance its competitiveness to face the
of
globalisation; and
Creating a knowledgeable workforce in matters relating to labour
a conducive atmosphere for the development of labour law
investment.
QUALITY POLICY
Labour Department Peninsular Malaysia is committed in handling any labor complaints in order to create a harmonious work environment to ensure customer satisfaction and enhanced on an ongoing basis.

100 TAHUN JTKSM

# PROFIL KORPORAT
## CORPORATE PROFILE



## VISI

Peneraju utama kecemerlangan pentadbiran perburuhan di sektor swasta.

## *VISION*

*Leading the excellence of labour administration in the private sector.*

## MISI

- Memperkasa pentadbiran perburuhan untuk meningkatkan kebajikan warga pekerja dan kepentingan para majikan; dan
- Memperluaskan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan pasaran buruh.

## *MISSION*

- *Strengthen labour administration to improve the welfare of employees and the interests of the employer; and*
- *Expanding job opportunities to meet the needs of the labour market.*

## OBJEKTIF

- Melindungi kepentingan dan memajukan kepentingan masyarakat industri;
- Mengutama dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara;
- Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi; dan
- Mewujudkan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.

## *OBJECTIVE*

- *Protect and promote the interests of industry community;*
- *Sustain and maintain employment opportunities to the citizens;*
- *Assist the industry to enhance its competitiveness to face the challenges of globalisation; and*
- *Creating a knowledgeable workforce in matters relating to labour law to form a conducive atmosphere for the industrial development and investment.*

## DASAR KUALITI

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah komited untuk mengendalikan sebarang aduan buruh demi mewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin kepuasan pelanggan dan ditingkatkan secara berterusan.

## *QUALITY POLICY*

*Department of Labour Peninsular Malaysia is committed in handling any labour complaints in order to create a harmonious working environment to ensure customer satisfaction and continously enhanced.*

## PIAGAM PELANGGAN

- Menyedia kemudahan Pusat JobsMalaysia yang efektif dan mesra pelanggan bagi:
  - Memberi kemudahan percuma untuk mendaftar secara *online*;
  - Penjodohan pekerjaan dalam tempoh 24 jam secara *online* tertakluk kepada kesesuaian jawatan dan kelayakan; dan
  - Menyediakan khidmat sokongan penempatan pekerjaan.
- Menyiasat dan memaklumkan hasil siasatan setiap aduan berkaitan isu perburuhan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengaduan;
- Menyelesaikan pengaduan kes buruh melalui mekanisma Mahkamah Buruh dalam tempoh 90 hari dari tarikh pemfailan;
- Memproses permohonan lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dalam tempoh 14 hari bekerja;
- Memproses permohonan lesen hiburan awam di bawah Akta (Penggajian) Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 dalam tempoh 14 hari bekerja;
- Mengeluarkan taksiran pampasan pekerja di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima;
- Memproses dan mengeluarkan syor dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap bagi permohonan penggajian pekerja asing diterima;
- Memberi khidmat nasihat serta menjawab pertanyaan pelanggan dengan cepat, tepat dan mesra; dan
- Memberi layanan mesra di kaunter kepada setiap pelanggan jabatan.

## *CLIENT CHARTER*

- *Establish JobsMalaysia Center as an effective and user friendly facilities for:*
  - *Complimentary online registration;*
  - *Online job matches within 24 hours subjected to the suitability of the position and qualifications;*
  - *Provide support for job placement services.*
- *Investigate and notify the outcome of each complaint related to labour issues within 30 days from the complaints date;*
- *Resolve cases of labour complaints through the Labour Court mechanism within 90 days from the filing date;*
- *Process licence application under the Private Employment Agency Act 1981 within 14 working days;*
- *Process public entertainment license applications under the Children and Young Person (Employment) Act 1966 within 14 working days;*
- *Issue workmen's compensation assessments under the Workmen's Compensation Act 1952 within 5 working days upon receiving complete documents;*
- *Process and issue recommendation for application of foreign workers employment within 14 days upon receiving complete document;*
- *Consult and answer customer's questions promptly, accurately and friendly; and*
- *Provide hospitality at the counter to each department's client.*

# CARTA ORGANISASI
# IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
## *ORGANIZATION CHART*
## *HEADQUARTERS DEPARTMENT OF Labour PENINSULAR OF MALAYSIA*

**ENCIK MOHD JEFFREY BIN JOAKIM**
KETUA PENGARAH
(JUSA B)

**PUAN MAGESWARY A/P SUBRAMANIAM**
PEGAWAI UNDANG-UNDANG
L44

**ENCIK KHAMIS BIN AR MAJID**
(SEHINGGA 5.8.2014)
**ENCIK ASRI BIN AB RAHMAN**
(MULAI 15.10.2014)
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PENGURUSAN & PEMBANGUNAN) (JUSA C)

**ENCIK ASRI BIN AB RAHMAN**
(SEHINGGA 14.10.2014)
**ENCIK JACK MEREDU ANAK KO**
(MULAI 15.10.2014)
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
(JUSA C)

**ENCIK AMINUDDIN BIN AB. RAHAMAN**
PENGARAH PENYELIDIKAN & PERANCANGAN
PPP S52

**PUAN PAEZA BINTI ROSDI**
PENGARAH PENGUATKUASAAN
PPP S54

**ENCIK JACK MEREDU ANAK KO**
PENGARAH STANDARD PERBURUHAN
PPP S54

**ENCIK MOHD ASRI BIN ABDUL WAHAB**
PENGARAH PERKHIDMATAN PEKERJAAN
PPP S54

**PUAN PUTERI AZLINA BINTI MEGAT RAMLI**
PENGARAH KHIDMAT PENGURUSAN
PTD M52

**PUAN NOOR ARZILA BINTI ARIFFIN**
PENGARAH PEKERJA ASING
PPP S48

**ENCIK MUSTAFFA KAMAL BIN BAWAIHI**
MIDA
PPP S48

- **JTK P. PINANG** — S54
- **JTK KEDAH** — S48
- **JTK PERAK** — S54
- **JTK MELAKA** — S48
- **JTK SELANGOR** — S54
- **JTK TERENGGANU** — S48
- **JTK WP KUALA LUMPUR** — S54
- **JTK KELANTAN** — S48
- **JTK JOHOR** — S54
- **JTK PERLIS** — S48
- **JTK PAHANG** — S52
- **JTK WP LABUAN** — S44
- **JTK NEGERI SEMBILAN** — S52

## PENGURUSAN TERTINGGI
## *TOP MANAGEMENT*




1. **Encik Mohd Jeffrey bin Joakim**
   Ketua Pengarah
   *Director General*

2. **Encik Asri bin Ab Rahman**
   *Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)*
   *Deputy Director General (Operation)*

3. **Encik Khamis bin A.R Majid**
   *Timbalan Ketua Pengarah*
   *(Pembangunan & Pengurusan)*
   *Deputy Director General*
   *(Development & Management)*

## Bahagian Standard Perburuhan
## *Division of Labour Standard*



**Encik Jack Meredu Ak Ko**
Pengarah Standard Perburuhan
*Director of Labour Standard*

## Bahagian Penguatkuasaan
## *Division of Enforcement*



**Puan Hjh. Paeza bt. Rosdi**
Pengarah Penguatkuasaan
*Director of Enforcement*

## Bahagian Pekerja Asing
## *Division of Foreign Workers*



**Puan Noor Arzila bt. Ariffin**
Pengarah Pekerja Asing
*Director of Foreign Workers*

## Bahagian Penyelidikan & Perancangan
## *Division of Research & Planning*



**Encik Aminuddin bin Ab. Rahaman**
Pengarah Penyelidikan & Perancangan
*Director of Research & Planning*

## Bahagian Khidmat Pengurusan
## *Division of Service Management*



**Puan Puteri Azlina bt. Megat Ramli**
Pengarah Khidmat Pengurusan
*Director of Service Management*

## Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan
## *Division of Employment Service*



**Tuan Haji Mohd Asri bin Abd. Wahab**
Pengarah Perkhidmatan Perkerjaan
*Director of Employment Service*



# BAB 1:
# AKTIVITI PERLINDUNGAN HAK DAN KEBAJIKAN PEKERJA

## CHAPTER 1: WORKERS RIGHTS AND WELFARE PROTECTION ACTIVITIES





30,163

tempat pekerjaan diperiksa
*work place inspected*



882,960

pekerja yang terlibat dalam aktiviti Pemeriksaan Berkanun
*workers engaged in Statutory Inspection activities*



4,700

notis pematuhan undang-undang dikeluarkan kepada majikan
*legal compliance notice issued to employers*

## PEMERIKSAAN BERKANUN

Pemeriksaan berkanun bertujuan untuk memastikan pematuhan undang-undang dan standard perburuhan. Pemeriksaan berkanun ini dijalankan melalui dua pendekatan iaitu secara bernotis atau tanpa notis. Prinsip pemeriksaan adalah untuk memastikan hak dan kebajikan pekerja di lindungi di bawah undang-undang buruh.

Pada tahun 2014, pemeriksaan berkanun telah memfokuskan penguatkuasaan terhadap Perintah Gaji Minimum 2012 di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011. Sebanyak 30,163 tempat pekerjaan telah diperiksa yang melibatkan seramai 882,960 pekerja.

Pemeriksaan ini telah memberi fokus terhadap sektor-sektor seperti berikut:

- Perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motor;
- Pembuatan;
- Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman;
- Pertanian, Perhutanan dan perikanan; dan
- Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan.

## *STATUTORY INSPECTION*

*The purpose of statutory inspection is to ensure compliance with laws and labour standards. The statutory inspections are carried out through two approaches namely with notice or without notice. The principle of labour inspection is to ensure workers rights and welfare protected under the labour law.*

*In the year of 2014, statutory inspections focused on enforcement of Minimum Wage Order, 2012 under the National Wage Consultative Council Act, 2011. A total of 30,163 place of employment has been inspected, involving 882,960 employees.*

*These inspections focusing on the following sectors:*

- *Wholesale and retail trade; repair of motor vehicles and motorcycles;*
- *Manufacturing;*
- *Accomodation and foods and beverages service activities;*
- *Agriculture, Forestry dan Fishery; and*
- *Administrative and support service activities.*

Tanggungjawab dan hasrat JTKSM dalam melaksanakan aktiviti ini adalah untuk meningkatkan tindakan pencegahan dan pembetulan terhadap pematuhan undang-undang dalam kalangan majikan melalui pemeriksaan yang proaktif supaya dapat memandu majikan melindungi hak dan kebajikan pekerjanya serta mencegah berlakunya pertikaian industri.

Sebanyak 4,700 notis pematuhan telah dikeluarkan daripada jumlah keseluruhan 30,163 pemeriksaan dan 328 notis daripada jumlah notis pematuhan tersebut adalah berkaitan ketidakpatuhan terhadap Perintah Gaji Minimum 2012.



**Gambar 1: Pegawai pemeriksaan sedang menjalankan pemeriksaan berkanun di premis majikan**
*Figure 1: Statutory inspection by inspection officers at employer's premises*

## AKTIVITI PASUKAN KHAS PENGUATKUASAAN (PKP)

Pasukan Khas Penguatkuasa (PKP) telah ditubuhkan pada Disember 2012 di peringkat Ibu Pejabat dan telah diseragamkan di seluruh Pejabat Tenaga Kerja Negeri berperanan melakukan pemeriksaan tanpa notis, risikan dan serbuan di tempat-tempat pekerjaan secara terancang dan bersepadu berdasarkan isu-isu perburuhan yang berbangkit. PKP berperanan untuk menangani isu-isu pertikaian perburuhan kritikal di semua sektor dan kategori pekerjaan, selaras dengan tanggungjawab JTKSM sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang perburuhan negara.

Pada tahun 2014, PKP telah guna pakai Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan menggunakan pendekatan 1*Visit Policy* melibatkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan, Kementerian Sumber Manusia untuk melaksanakan operasi-operasi terancang ke tempat-tempat pekerjaan. Kerjasama dan penglibatan agensi-agensi ini membentuk satu pasukan penguatkuasaan bersepadu. Impak yang diperolehi daripada operasi ini adalah dapat meningkatkan pematuhan pelbagai undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah KSM hasil pendekatan kerjasama strategik ini.

*The responsibility and aspiration of JTKSM in the handling of this activity is to enhance preventive action and corrective action in compliance with the law among employers through proactive inspections in order to motivate employers to protect the rights and welfare of its employees to prevent the occurrence of industrial disputes.*

*A total of 4,700 compliance notice has been issued from the total of 30,163 inspections and 328 notices from the total amount issues was related to non-compliance of Minimum Wage Order 201.*

## *THE SPECIAL ENFORCEMENT TEAM (SET) ACTIVITIES*

*Special Enforcement Team (SET) was established in December 2012 at Headquarters level and have been standardized across the State of Labour Office which responsible to conduct inspections without notice, spying and intelligence raids in places of employment of integrated and planned based on labour law issues arising. SET plays a role in addressing critical labour disputes issues in all sectors and working categories, in line with the responsibilities of the JTKSM as an agency of law enforcement national labour law.*

*In the year 2014, SET has adopted National Strategy of the Blue Ocean (NBOS) with using 1Visit Policy approach involving the Social Security Organisation (SOCSO), Human Resource Development Fund (HRDF) and Regulatory and Enforcement Branch, Ministry of Human Resources to implement the planned operations to places of employment. The cooperation and involvement of these agencies form an integrated enforcement teams. The impact of this operation is to increase compliance with various laws enforced under MOHR resulted from the strategic cooperation approaches.*



**Gambar 2: Sesi konsultasi dengan pihak majikan di premis perniagaan**
*Figure 2: Consultation session with employer at business premises*



**Gambar 3: Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP) JTKSM**
*Figure 3: The Special Enforcement Team JTKSM (SET)*

***Carta 1: Statistik Aktiviti Operasi Bersepadu PKP (JTKSM, PERKESO, PSMB DAN CKSP KSM) Pada Tahun 2014***
*Chart: 1 Statistics on Integrated Operational Activities SET (JTKSM, SOCSO, PSMB AND CKSP, KSM) in 2014*










*Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JTKSM*
*Source: The Enforcement Division, JTKSM*

## PEMERIKSAAN PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA LADANG

Pemeriksaan ladang menjurus kepada tahap pemakaian Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja, 1990 (Akta 446) berkaitan dengan penyediaan rumah-rumah dan kemudahan pekerja oleh majikan kepada pekerja ladang. Pemeriksaan ini dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap pemakaian Akta 446 berkaitan dengan pematuhan Akta 446 berkaitan penyediaan rumah dan kemudahan asas pekerja ladang.

***Bilangan Pemeriksaan Ladang Mengikut Negeri Pada Tahun 2014***
*The number of Farm Inspections by State in 2014*




***Sumber: Bahagian Standard-Standard Perburuhan, JTKSM***
*Source: Division of Labour Standards, JTKSM*

## *INSPECTION OF ESTATE WORKER'S HOUSING AND AMENITIES*

*Inspection of the estate related to the level of application of Minimum Standards of Housing and Employee's Amenities Act, 1990 (Act 446) in relation to the provision of houses and employee's amenities by employer to estate employee. The purpose of this inspection is to identify the level of application of Act 446 related to the compliance on providing housing and amenities for estate workers.*



***Gambar 4: Rumah pekerja estet yang disediakan oleh majikan mengikut standard yang ditetapkan oleh Akta 446***
*Figure 4: Estate worker's house provided by employer which follows the standard under Act 446*

**Carta 2 : Bilangan Kes Aduan Dikendali Pada Tahun 2013 Dan 2014**
*Chart 2: Number of Complaints Handling Cases in 2013 and 2014*






**Gambar 5: Sesi temuduga dengan majikan dalam proses siasatan aduan**
*Figure 5: Interview session with employer in the process of complaints investigation*

## PENGENDALIAN ADUAN PERBURUHAN

Sebanyak 6,593 aduan telah dikendalikan sepanjang tahun 2014 dan daripada jumlah tersebut sebanyak 1,414 aduan adalah melibatkan aduan berkaitan ketidakpatuhan terhadap Perintah Gaji Minimum 2012.

Daripada jumlah kendalian, sebanyak 6,044 aduan (96%) berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang 30 hari pada tahun yang sama manakala baki sebanyak 4% diselesaikan pada tahun berikutnya disebabkan oleh faktor kompleksiti kes.

Peningkatan terhadap peratus penyelesaian menunjukkan bahawa JTKSM komited dalam memastikan pengendalian aduan yang diterima, disiasat dan diselesaikan dengan cepat dan berkesan untuk kepuasan pelanggan.

## *HANDLING OF LABOUR COMPLAINTS*

*A total of 6,593 complaints were handled in the year 2014 and of which 1,414 cases were involving complaints related to non-compliance with the Minimum Wage Order 2012.*

*From the total handling volume, a total of 6,044 cases (96%) were solved in less than 30 days in the same year while the remaining 4% were completed in the following year due to the complexity of the case.*

*The increment of the completion percentage indicates that JTKSM committed in ensuring the handling of complaints received, investigated and dealt with prompt and effectively and for customer's satisfaction.*

**Carta 3: Perbandingan Penyelesaian Aduan Pada Tahun 2013 Dan 2014**
*Chart 3: Comparison of resolving complaints in 2013 and 2014*




**Sumber: Bahagian Standard-Standard Perburuhan, JTKSM**
*Source: Division of Labour Standards, JTKSM*

## Aduan Berkaitan Antipemerdagangan Orang & Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM)

Melalui pindaan Akta ini, pemakaiannya telah diperluaskan meliputi isu-isu berkaitan penyeludupan migran dan dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan Orang & Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670).

JTKSM sebagai agensi penguatkuasa undang-undang perburuhan yang sedia ada telah turut diberi kuasa dan tangungjawab di bawah Akta 670 untuk turut terlibat di dalam aktiviti membanteras jenayah merentasi sempadan dengan menyiasat kes-kes berkaitan penyeludupan dan pemerdagangan buruh paksa. Pada tahun 2014, JTKSM terus mempergiatkan usaha dan meningkatkan operasi secara bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain bagi menyiasat kes-kes yang dilaporkan di bawah Akta 670. Agensi-agensi penguatkuasaan yang telah diberi kuasa di bawah Akta 670 adalah Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan JTKSM.

## *Complaints on Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants (ATIPSOM)*

*Through this Act amended, its application has been expanded to cover issues related to migrant smuggling and known as the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 (Act 670).*

*JTKSM as an existing enforcement agency of labour law were also given powers and responsibilities under the Act 670 to participate in fighting crime across the border to investigate cases related to smuggling and forced labour trafficking. By the year 2014, JTKSM continue to intensify efforts and improve operations in an integrated manner with the enforcement agencies to investigate cases that are reported under the Act 670. The enforcement agencies duly authorized under Act 670 are the Royal Malaysian Police, Immigration Department of Malaysia, Royal Malaysian Customs, Malaysian Maritime Enforcement Agency and JTKSM.*

**Jadual 1: Bilangan Laporan Kes ATIPSOM Pada Tahun 2014**
*Table 1: The numbers of ATIPSOM Cases Reported in 2014*

| NEGERI<br>*STATE* | BILANGAN LAPORAN KES ATIPSOM<br>*NUMBER OF ATIPSOM CASES REPORTED* |
|---|---|
| KEDAH | 2 |
| NEGERI SEMBILAN | 1 |
| MELAKA | 1 |
| PULAU PINANG | 2 |
| PERAK | 4 |
| PAHANG | 1 |
| SELANGOR | 30 |
| KUALA LUMPUR | 5 |
| JOHOR | 8 |
| **JUMLAH**<br>***TOTAL*** | **54** |

**Sumber: Bahagian Penguatkuasaan JTKSM**
*Source: The Enforcement Division, JTKSM*

## Aduan Gangguan Seksual

Pada tahun 2014, sebanyak 14 kes aduan gangguan seksual telah diterima oleh JTKSM. Pecahan kes mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Bilangan aduan gangguan seksual bagi tahun 2011 sebanyak 40 kes adalah merupakan bilangan aduan paling tertinggi JTKSM pernah terima bagi tempoh 2010 hingga 2014.
- Selepas penguatkuasaan Bahagian XVA Akta Kerja 1955 pada tahun 2012, bilangan aduan gangguan seksual yang diterima bagi tahun 2013 mencatatkan penurunan yang amat drastik iaitu penurunan sebanyak 22 kes.

## *Sexual Harassment Complaint*

*In the year 2014, a total of 14 cases of sexual harassment complaints have been received by JTKSM. A breakdown of the cases by State are as follows:*

- *The number of sexual harassment complaints for the year 2011 were 40 cases is the highest number of complaints ever received by JTKSM for the period of 2010 to 2014.*
- *After the enactment of Division XVA the Employment Act 1955 in 2012, the number of sexual harassment complaints received for the year 2013 decreased drastically to 22 cases.*

**Carta 4 Bilangan Aduan Gangguan Seksual Yang Diterima Mengikut Negeri tahun 2014**
*Chart 4: The number of sexual harassment Complaints Received by State in 2014*




| | |
|---|---|
| KUALA LUMPUR | 3 |
| JOHOR | 5 |
| MELAKA | 2 |
| KEDAH, PERAK,PULAU PINANG, SELANGOR | 1 |



**Carta 5: Bilangan Aduan Gangguan Seksual yang diterima bagi tempoh 2010 - 2014**
*Chart 5: The number of Sexual Harassment Complaints Received in the period of 2010-2014*







## AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Aktiviti penguatkuasaan merupakan tindakan ke atas majikan yang didapati telah gagal mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JTKSM. Aktiviti ini bertujuan bagi memastikan pematuhan dan kefahaman di kalangan majikan terhadap undang-undang perburuhan terus dipertingkatkan. Penguatkuasaan meliputi tindakan pendakwaan dan kompaun yang dikenakan terhadap majikan terlibat di samping menjadikan majikan sentiasa peka dengan keperluan undang-undang serta mengembalikan hak-hak pekerja. Pada tahun 2014, sebanyak 690 Kertas Siasatan (KS) telah direkodkan, daripada jumlah ini Timbalan Pendakwaraya telah beri izin ke atas 191 KS untuk diambil tindakan pendakwaan manakala 157 telah dikenakan tindakan kompaun. Baki 342 KS masih di dalam tindakan semakan sebelum diberi izin.

## *ENFORCEMENT ACTIVITIES*

*Enforcement activities is an action taken on employers who are found to have failed to comply with the provisions of laws and regulations enforced by the JTKSM. This activity aims to ensure compliance and understanding among employers on the labour law are continuously enhanced. The enforcement covers prosecution and compound against employers involved, and in addition to alert employers to the needs of law and reinstate the workers rights. In 2014, a total of 690 Investigation Paper (IP) have been recorded, and 191 IP of this amount has been given permission by the Deputy Public Prosecutor to take prosecution action while 157 have been subjected to compound. The remaining of 342 IP are still being reviewed before permission is given.*



**Gambar 6: Pegawai sedang mengambil keterangan daripada majikan**
*Figure 6: Officers taking statements from employer*

## Pendakwaan

Sebanyak RM369,750.00 jumlah denda telah dikenakan terhadap majikan yang telah didakwa di Mahkamah atas pelbagai kesalahan. Antaranya adalah seperti berikut:

a) Akta Kerja 1955 (Seksyen 13, 69 (4), dan 69 (e))
b) Majlis Perundingan Gaji Negara (Seksyen 3 (2) dan 43)
c) Akta Pampasan Pekerja 1962 (Seksyen 13, 13 (2), 13 (5), dan 26 (1))
d) Kanun Keseksaan (Seksyen 174)

## *Prosecution*

*A total of RM 101,050.00 penalties were imposed on employers who have been prosecuted on various offences. Among them are as follows:*

*a) The Employment Act 1955 (Section 13, 69 (4), and 69 (e))*
*b) National Wages Consultative Council (Section 3 (2) and 43)*
*c) Workmen's Compensation Act 1962 (Section 13, 13 (2), 13 (5), and 26 (1))*
*d) Penal Code (Section 174)*

***Bilangan Pendakwaan Pada Tahun 2014***
*The number of Prosecutions by the year 2014*



JUMLAH KERTAS SIASATAN YANG DITERIMA
TOTAL OF INVESTIGATION PAPER RECEIVED
**690**

JUMLAH KERTAS SIASATAN YANG BERJAYA DIDAKWA
TOTAL OF INVESTIGATION PAPER SUCCESSFULLY PROSECUTED
**166**

**JUMLAH DENDA DIKENAKAN**
TOTAL FINE IMPOSED
**RM369,750.00**

***Sumber: Bahagian Penguatkuasaan JTKSM***
*Source: The Enforcement Division, JTKSM*

## Kompaun

Tindakan kompaun di bawah Seksyen 101A, Akta Kerja 1955 dikenakan terhadap setiap ketidakpatuhan yang dilakukan oleh pihak majikan. Antara kesalahan yang dikompaun adalah seperti berikut:

a) kesalahan pengiraan kadar upah biasa (Seksyen 60I)
b) kelewatan mereka membayar gaji pekerja-pekerja (Seksyen 19)
c) pemotongan gaji yang tidak sah (Seksyen 25)
d) kegagalan majikan melaporkan penggajian pekerja asing (Seksyen 60K)
e) kegagalan memberi salinan kontrak perkhidmatan (Peraturan 8)

## *Compound*

*Compound action under Section 101A, Employment Act 1955 will be imposed on each incompliance committed by the employer. Among the offences compounded are as follows:*

*a) An ordinary rate of pay calculation error (Section 60I)*
*b) Delays in paying salaries to their employees (Section 19)*
*c) Unauthorized salary deduction (Section 25)*
*d) The failure of employers to report the employment of foreign workers (Section 60K)*
*e) Failure to provide a copy of contract of service (Rule 8)*

***Bilangan Kompaun Pada Tahun 2014***
*The number of Compounds In 2014*




JUMLAH KOMPAUN
TOTAL NUMBER OF COMPOUND
**281**

**JUMLAH DENDA DIKENAKAN**
TOTAL FINE IMPOSED
**RM334,000.00**

***Sumber: Bahagian Penguatkuasaan JTKSM***
*Source: The Enforcement Division, JTKSM*

## INSTITUSI MAHKAMAH BURUH

**Kes Buruh**

Mahkamah Buruh merupakan saluran untuk pekerja atau majikan membuat tuntutan kewangan yang wujud daripada kekilanan atau kekecewaan kontrak perkhidmatan oleh sesuatu pihak terhadap pihak lain berdasarkan kontrak perkhidmatan yang telah dipersetujui. Di bawah peruntukkan Akta Kerja 1955, JTKSM mempunyai kuasa untuk menjalankan siasatan dan mendengar sesuatu tuntutan kewangan yang berbangkit daripada kes buruh. Kes buruh akan diselesaikan dan diputuskan melalui proses pendengaran di Mahkamah Buruh.

Pada tahun 2014, JTKSM telah mengendalikan sejumlah 15,576 kes buruh dan berjaya menyelesaikan sebanyak 14,008 kes (89.9%) daripada jumlah tersebut. Sebanyak 12,151 kes (86.7%) telah diselesaikan dalam tempoh kurang 90 hari. Manakala, 1,568 kes (10.1%) masih dalam kendalian.

## *THE INSTITUTION OF LABOUR COURT*

***Labour Case***

*The Labour Court is a channel for employees or employers to make financial claims arising from grievances or frustrations of contract of service by a party against another based on an agreed contract of service. Under the provisions of the Employment Act 1955, JTKSM has the power to investigate and hear any financial claims arising from labour cases. Labour cases will be resolved and decided through the hearing process at the Labour Court.*

*In 2014, JTKSM has handled a total of 15,576 labour cases and have successfully solved 14,008 cases (89.9%) of the total amount. A sum of 12,151 cases (86.7%) were solved in less than 90 days. Meanwhile, 1,568 cases (10.1%) are remain in action.*

***Bilangan Pengendalian Kes Buruh Pada Tahun 2014***
*The Number Of Labour Cases Handling In the Year 2014*



| KES KENDALI *CASE HANDLED* | KES SELESAI *CASE SOLVED* | KES MASIH DALAM TINDAKAN *CASE STILL IN ACTION* |
|---|---|---|
| 15,576 | 14,008 | 1,568 |

***Sumber: Labour Market Database JTKSM***
*Source: Labour Market Database JTKSM*

## PENGURUSAN KES PAMPASAN PEKERJA ASING

Pampasan pekerja adalah suatu pembayaran wang yang diterima oleh seseorang pekerja yang mendapat kemalangan di tempat pekerjaan. Kemalangan ini akan ditaksirkan mengikut kategori Hilang Upaya Sementara, Hilang Upaya Kekal dan kes maut di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952.

## *THE MANAGEMENT OF FOREIGN WORKERS COMPENSATION CASE*

*Workers' compensation is a reimbursement of money received by an employee who had an accident at the work place. The accident will be assessed according to the category of Temporary Disability, Permanent Disability and the death case under the Workmen's Compensation Act 1952.*

**Tanggungjawab Jabatan Tenaga Kerja**
*Labour Department Responsibility*

Membuat taksiran pampasan ke atas kecederaan pekerja asing yang terlibat dengan kes kemalangan di tempat pekerjaan.

*To make compensation assessment for foreign workers who are involved in accident at the workplace.*

Membantu dalam pembayaran pampasan kepada ahli waris pekerja asing yang mengalami kemalangan maut.

*To assist payment of compensation to the heirs of workers who suffer from fatal accidents.*

Menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 kepada semua majikan yang menggajikan pekerja asing.

*Enforcing the provisions under the Workmen's Compensation Act 1952 to employers who employed foreign workers.*



Jadual di bawah menunjukkan bahawa hampir kesemua kes pampasan yang dikendalikan pada tahun 2011 hingga tahun 2014 telah berjaya diselesaikan pada tahun yang sama. Pencapaian ini didorong oleh faktor dokumen pampasan yang telah dilengkapkan oleh majikan sebelum serahan, yang membolehkan pegawai membuat taksiran dengan cepat dan berkesan.

*The table below shows that almost all of the compensation cases handled in the year 2011 to 2014 have been successfully completed in the same year. The achievement are driven by the factor of completion of compensation documents by employer before submission which abled the officers to make assesment promptly and efficiently.*

***Jadual 2: Bilangan Kes Pampasan Pekerja Asing Yang Dikendalikan dan Diselesaikan Mengikut Jenis Kemalangan Pada Tahun 2011 Hingga Tahun 2014***

*Table 2: The number of Foreign Workers Compensation Cases Handled and Resolved based on Type of Accident in the Year of 2011 to 2014*

| Tahun *Year* | *HUS / *TD* | | *HUK / *PD* | | Maut / *Death* | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Kendali *Handled* | Selesai *Solved* | Kendali *Handled* | Selesai *Solved* | Kendali *Handled* | Selesai *Solved* |
| 2011 | 3,424 | 3,371 | 736 | 733 | 503 | 494 |
| 2012 | 3,333 | 3,312 | 625 | 620 | 402 | 397 |
| 2013 | 3,282 | 3,252 | 722 | 712 | 485 | 480 |
| 2014 | 3,082 | 2,657 | 686 | 656 | 586 | 324 |

* HUS - Hilang Upaya Sementara
* HUK - Hilang Upaya Kekal

** TD - Temporary Disability*
** PD - Permanent Disability*

***Sumber: Labour Market Database JTKSM***
*Source: Labour Market Database JTKSM*



***Senarai Syarikat Panel Penanggung Insurans SPPA Sehingga 31 Disember 2014***
*List of Panel of Insurance FWCS as of 31 December 2014*

## PEMBERHENTIAN PEKERJA

### Analisa Pemberhentian Pekerja

Pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada JTKSM bagi tempoh Januari sehingga Disember 2014 adalah seramai 14,248 pekerja dan melibatkan sebanyak 470 majikan. Daripada jumlah 14,248 pekerja tersebut, seramai 12,523 adalah pekerja tempatan manakala 1,725 pekerja lagi adalah pekerja asing. Selain itu, daripada jumlah 470 majikan yang terlibat, sebanyak 397 majikan telah melaksanakan Pemberhentian Biasa melibatkan 12,077 pekerja manakala seramai 2,171 pekerja telah terlibat dengan Pemberhentian Secara Sukarela yang dilaksanakan oleh 73 majikan.

Jumlah pemberhentian tertinggi mengikut sektor adalah di sektor pembuatan yang melibatkan sebanyak 131 majikan yang telah memberhentikan seramai 7,525 pekerja (53%). Diikuti dengan sektor perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal yang melibatkan pemberhentian seramai 1,218 pekerja (9%) dilaksanakan oleh 65 majikan serta sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman yang melibatkan sebanyak 29 majikan yang telah memberhentikan seramai 932 pekerja (7%).

## *RETRENCHMENT*

### *Analysis of Retrenchment*

*Retrenchment of employees reported to JTKSM for the period of January until December 2014 is 14,248 employees and involving a total of 470 employers. Out of 14,248 employees, a total of 12,523 are locals while another 1,725 employees were foreigners. In addition, from the total of 470 employers involved, 397 employers have exercised a Common Retrenchment involving 12,077 employees whereas 2,171 employees have been involved with Voluntary Separation Scheme exercised by 73 employers.*

*The highest number of retrenchment by sectors is in the manufacturing sector, involving a total of 131 employers retrenched about 7,525 employees (53%). Followed by the wholesale and retail trade; repairing motor vehicles and motorcycles sector involving the retrenchment of 1,218 employees (9%) that carried out by 65 employer besides accommodation and foods and beverages service activities sector involving 29 employers who has retrenched 932 (7%) employees.*

**Bilangan Pemberhentian Pekerja Yang Dilaporkan Pada Tahun 2014**
*The Number of Retrenchment Reported in 2014*



**Trend Pemberhentian Dalam Tempoh 2010 Hingga 2014**

*Retrenchment Trend between the period of 2010 to 2014*

## ISU GLOBAL DAN NASIONAL

*GLOBAL AND NATIONAL ISSUES*

- Krisis kejatuhan harga minyak mentah global
  *Global crude oil prices crisis*
- Pengurangan permintaan dan lebihan pengeluaran besi dan keluli
  *Reduction in demand and excess production of iron and steel*
- Inflasi
  *Inflation*
- Kemerosotan nilai Ringgit dan rizab antarabangsa
  *Impairment of Ringgit and international reserves*







**Sumber: Bahagian Penyelidikan dan Perancangan JTKSM**

*Source: Research and Planning Division JTKSM*

Trend pemberhentian pekerja bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini menunjukkan penurunan sebanyak 33% pada tahun 2014 berbanding 2012. Kadar pemberhentian pekerja bagi tahun 2010 adalah yang terendah dalam tempoh lima tahun iaitu seramai 12,112 pekerja, manakala tahun 2012 menyaksikan kadar pemberhentian tertinggi iaitu seramai 21,375 pekerja.

Purata kadar pemberhentian pekerja bagi tempoh lima tahun (2010 hingga 2014) ini adalah seramai 15,659 pekerja setahun. Trend pemberhentian pekerja ini adalah normal dan lebih rendah berbanding sebelum tahun 2010 yang mencatatkan purata kadar pemberhentian pekerja yang lebih tinggi iaitu seramai 27,231 pekerja setahun bagi tempoh tahun 2005 hingga 2009, rentetan daripada krisis ekonomi Asia dan Eropah.

*Retrenchments trend for the past five years showed a decline of 33% in 2014 compared to 2012. The rate of retrenchment for 2010 was the lowest in five years, which is 12,112 employees whilst in 2012 witnessed highest retrenchment rate of 21,375 employees.*

*The average rate of retrenchment within five years (2010 to 2014) was about 15,659 employees a year. It is a normal trend and is lower than before 2010, which recorded an average retrenchment rate higher of about 27,231 employees per year between 2005 to 2009, due to economic crisis in Asia and Europe.*



***Carta 6: Proses Kerja Pengurusan Pemberhentian Pekerja Dan Penempatan Semula***
*Chart 6: Work Process for the Management of Retrenchment And Relocation*




***Sumber: Bahagian Penyelidikan dan Perancangan JTKSM***
*Source: Research and Planning Division JTKSM*

## PENEMPATAN PEKERJAAN

### Program Penempatan Pekerjaan

Program Penempatan Pekerjaan telah dijadikan sebagai Petunjuk Utama Prestasi Menteri pada tahun 2014 dengan sasaran sebanyak **220,000** penempatan. Sebanyak **259,767** penempatan telah berjaya dilakukan oleh Pusat JobsMalaysia JTK di seluruh Semenanjung Malaysia. Pencapaian **118.1 peratus** telah dicapai dan ini merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan dalam konteks pasaran guna tenaga tempatan di Malaysia. Peningkatan yang telah dicapai menjadikan kebolehpasaran sumber tenaga tempatan dalam memenuhi permintaan dan tawaran guna tenaga semasa negara.

Kesinambungan penglibatan JTKSM diteruskan dengan variasi aktiviti -aktiviti Program Penempatan Pekerjaan. Aktiviti ini telah dilaksanakan melalui Portal JobsMalaysia yang menyediakan medium padanan pintar secara atas talian, penganjuran karnival pekerjaan dan temuduga terbuka.

## *JOB PLACEMENT*

### *Job Placement Programme*

*Job Placement Programme was placed under the Minister Key Performance Indicator in 2014 aiming at 220,000 job placement. A total of 259,767 placement was successfully carried out by the JobsMalaysia Centre throughout Peninsular Malaysia. A total of 118.1 percent has been achieved and this is a remarkable achievement in the context of local employment markets in Malaysia. This achievement creates the marketability of local workers to meet the current supply and demand of the nation.*

*JTKSM continously involved in various activities under the job placement programme. Those activities were carried out through JobsMalaysia portal that provides intelligent job matching on-line, organizing job fairs and open interviews.*



***Gambar 7: Aktiviti penempatan pekerjaan***
*Figure 7: Job placement activity*




***Jadual 3: Pencapaian Aktiviti Program Penempatan Pekerjaan***
*Table 3: Achievements on Job Placement Programme Activities*

| BIL | PENEMPATAN 2014** | SASARAN | PENEMPATAN | | | | | % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | SISWAZAH | | BUKAN SISWAZAH | | JUMLAH | |
| | | | L | P | L | P | | |
| 1 | Portal JobsMalaysia | 39,624 | 3,156 | | 37,335 | | 40,491 | 15.6 |
| 2 | Karnival Pekerjaan | 29,162 | 5,808 | 4,098 | 8,904 | 9,739 | 28,549 | 11.0 |
| 3 | Penempatan Dengan Kerjasama APS | 0 | 1,131 | 1,202 | 1,514 | 1,672 | 5,519 | 2.1 |
| 4 | Temuduga Terbuka | 26,315 | 4,070 | 2,037 | 12,993 | 12,054 | 31,154 | 12.0 |
| 5 | Night Career Fair (NCF) | 14,725 | 2,643 | 2,055 | 3,270 | 4,158 | 12,126 | 4.7 |
| 6 | Holiday Placement (HOPS) | 5,340 | 244 | 184 | 2,195 | 3,084 | 5,707 | 2.2 |
| 7 | Penempatan Melalui Client Account | 68,620 | 11,563 | 5,229 | 34,223 | 27,259 | 78,274 | 30.1 |
| 8 | Penempatan Melalui Program Kerjasama Agensi Lain | 16,150 | 3,361 | 2,263 | 5,441 | 4,194 | 15,259 | 5.9 |
| 9 | Employbility Programme | 5,408 | 1,117 | 764 | 1,553 | 1,959 | 5,393 | 2.1 |
| 10 | Penempatan Kerja Separa Masa | 18,420 | 491 | 379 | 9,005 | 7,778 | 17,653 | 6.8 |
| 11 | Program Khas (OKU, Pesara, Azam Kerja | 3,236 | 175 | 347 | 4,887 | 10,692 | 16,101 | 6.2 |
| 12 | Integrasi JobsMalaysia Sektor Awam - SPA/SPP | | 3,541 | | 0 | | 3,541 | 1.4 |
| JUMLAH | | 227,000 | 34,144 | 18,558 | 83,985 | 82,589 | 259,767 | 100 |
| JUMLAH BESAR | | | 55,858 | | 203,909 | | | |

***Sumber: Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, JTKSM***
*Source: Division of Employment Services, JTKSM*



**Portal Jobsmalaysia**
***Jobsmalaysia Portal***

Medium padanan pintar secara atas talian untuk pencari kerja dan majikan.
*A medium that provides an intelligent matching on-line for jobseekers and employers*

**www.jobsmalaysia.gov.my**



**Karnival Pekerjaan**
***Career Fair***

Medium pertemuan majikan dan pekerja
*A medium for jobseekers and employers to meet*



***Gambar 8: Dato' Romli B. Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KSM sedang merasmikan Fiesta Kerjaya di Mid Valley Megamall***
*Figure 8: Dato' Romli B. Hassan, Deputy Secretary General (Operation) MoHR launched Job Fiesta at Mid Valley Megamall*

Penganjuran Karnival Pekerjaan merupakan salah satu pendekatan dalam meningkatkan penempatan pekerjaan yang telah menyumbang kepada pencapaian cemerlang melebihi sasaran yang ditetapkan oleh JTKSM. Karnival pekerjaan menjadi medium yang dapat mempertemukan secara langsung antara pencari kerja dan majikan dalam usaha mendapatkan padanan dan penempatan pekerjaan. Karnival Pekerjaan yang dianjurkan oleh JTKSM turut merangkumi aktiviti-aktiviti seperti :-

(a) Temuduga Terbuka
(b) Klinik Kerjaya
(c) Pameran Kerjaya
(d) Pendaftaran Pencari Kerja

*Career Fair are among the approach that improves job placement contributing to the exceeding target set by JTKSM. The Career Fair became a medium for both job seekers and employers to work together directly for job matching and placement. The Career Fair organized by JTKSM also include activities such as:-*

*(a) Open Interviews*
*(b) Career Clinics*
*(c) Career Exhibitions*
*(d) Job seekers Registration*



***Gambar 9: Antara aktiviti yang diadakan semasa berlangsungnya fiesta kerja.***
*Figure 9: The activities at job fiesta*

## Kolaborasi Strategik Dengan Agensi Kerajaan

Dalam usaha untuk menggalakkan minat dan penglibatan pencari kerja khususnya belia, JTKSM telah menjalin kolaborasi strategik dengan agensi-agensi berkaitan seperti Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM), dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Kerjasama ini telah melakarkan kejayaan pengambilan dan penempatan Laskar Muda Lelaki dan Wanita bagi TLDM dan Perajurit Udara bagi TUDM pada tahun 2014. Program ini telah melakarkan kejayaan TLDM memenangi tempat kedua Anugerah Hari Inovasi peringkat Kementerian Pertahanan bagi tahun 2014 hasil kolaborasi strategik ini.

Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) adalah program untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran (*employability*) atau keupayaan graduan untuk mendapat pekerjaan dengan kerjasama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Program ini diterajui oleh EPU. Kerjasama ini telah dijalinkan sejak pelancarannya pada tahun 2011.

Sepanjang pelaksanaan program ini, JTKSM melalui JobsMalaysia telah memberi kerjasama dengan menyediakan medium pendaftaran pencari kerja di Portal JobsMalaysia dan penganjuran temuduga untuk pencari kerja termasuk para graduan. JobsMalaysia melakukan hebahan dan promosi kepada pencari kerja melalui sms, emel *blast* dan medium-medium lain berkaitan Program SL1M.

Usaha penempatan pekerjaan ini dapat memacu Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan yang menjadi matlamat dalam mentransformasikan rakyat Malaysia. Usaha dari pelbagai pihak ini menjadi pemangkin untuk menggapai tingkat yang optimum dalam penggunaan sumber guna tenaga tempatan dan seterusnya merealisasikan transformasi ke arah status Negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

## *Strategic Collaboration With Government Agencies*

*In order to promote the interest and involvement among job seekers such as youths in particular, JTKSM have established strategic collaboration with related agencies such as the Royal Malaysian Navy (TLDM), Royal Malaysian Air Force (RMAF), and the Economic Planning Unit (EPU), Prime Minister's Department. This cooperation outlined the success of the recruitment and placement young men and women for TLDM and RMAF in 2014. As a result of the strategic collaboration, the programme has drawn success for TLDM as they have won the Innovation Day Award, Defense Ministry's level for 2014 at a second place.*

*1Malaysia Training Scheme Program, (SL1M) is a programme to increase the level of employability or the ability of graduates to find employment in cooperation with Government-Linked Companies (GLC) and the private sector as a Corporate Social Responsibility (CSR). The program is lead by the EPU. This collaboration has been formed since its launch in 2011.*

*Throughout the implementation of this programme, JTKSM via JobsMalaysia has given cooperation by providing job seekers a medium of registration in JobsMalaysia Portal and organizing interviews for job seekers including graduates. JobsMalaysia engages public awareness and promotion to job seekers through sms, email blast and other mediums related to SL1M Programme.*

*These job placement effort are able to spur the Economic Transformation Programme and the Government Transformation Programme, aiming towards transforming Malaysians. The efforts from various parties as a catalyst to achieve an optimal level using the local work force and to realize the transformation towards the status of developed nation and high income by 2020.*



**Gambar 10: Kerjasama antara majikan dan pihak jabatan amat penting bagi membantu pencari kerja**
*Figure 10: Cooperation between the employer and the department is very important to help job seekers*

# BAB 2: AKTIVITI KHIDMAT NASIHAT DAN TEKNIKAL

## THE ADVISORY SERVICES AND TECHNICAL ACTIVITIES



## KHIDMAT NASIHAT PELANGGAN

JTKSM berperanan memberi khidmat nasihat berkaitan perundangan dan isu-isu perburuhan secara percuma kepada para pelanggan Jabatan yang terdiri daripada pihak majikan, pekerja, kesatuan sekerja dan majikan, serta orang ramai.

Pada tahun 2014, seramai 136,533 pelanggan telah mendapatkan khidmat nasihat melalui kaunter, pusat panggilan khidmat pelanggan dan laman sosial jabatan di pejabat seluruh Semenanjung Malaysia.

## *CLIENT CONSULTATION SERVICES*

*The role of JTKSM is to provide advice related to legislation and labour issues without charges to clients such as employers, employees, trade unions and the public.*

*In 2014, a total of 136,533 clients have received advice over the counter, through call center and through social media of the department throughout Peninsular Malaysia.*



## PENDIDIKAN PERBURUHAN

### Dialog Industri

JTKSM berperanan membina hubungan harmoni antara majikan dan pekerja dengan mengekalkan kestabilan hubungan industri dalam negara. Penganjuran dan penyertaan sesi-sesi dialog industri yang diadakan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa merupakan salah satu tindakan proaktif penglibatan JTKSM.

## *LABOUR EDUCATION*

### *Industry Dialogue*

*JTKSM plays the role of building harmonious relationship between employers and employees by maintaining the stability of industrial relations in the country. The organization and participation of industry dialogue sessions held at the state, national and international levels are one of the proactive involvements by JTKSM.*

**118**
**Sesi dialog**
Dialogue session






***Gambar 11: Sesi dialog industri yang diadakan di setiap negeri***
*Figure 11: The industry dialogue held in each state*



**FOKUS**
***FOCUSES***

- Akta Kerja 1955 *1955 Employment Act*
- Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 *National Wages Consultative Council Act*
- Akta Umur Persaraan Minimum 2012 *2012 Minimum Retirement Age Act*
- Perintah dan Peraturan Di Bawah Akta-Akta berkenaan *Orders and Regulations Under Related Acts*
- Pengurusan Penggajian Pekerja Asing *Foreign Workers Employment Management*
- Penggalakan Penggajian Orang Kurang Upaya (OKU) *Promotion Of The Employment Of Disabled People*

### Seminar dan Dialog Berhubung Penggajian Pekerja Domestik Asing

JTKSM telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan hal ehwal penggajian Pekerja Domestik Asing (PDA) di negara ini. Sesi taklimat dan dialog PDA ini telah dilaksanakan untuk mencapai objektif yang digariskan seperti berikut:

a) Memberi pengetahuan serta meningkatkan kesedaran tentang faedah, kebajikan serta jenis-jenis perlindungan di bawah peraturan dan perundangan perburuhan di kalangan PDA dan Agensi Pekerjaan Swasta (APS);

b) Memupuk serta menjalinkan perhubungan yang baik antara majikan, PDA dan APS; dan

c) Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang peranan yang dilaksanakan oleh agensi penguatkuasa khususnya JTKSM.

Pada tahun 2014, sebanyak 48 seminar telah diadakan di seluruh Semenanjung Malaysia. Seramai 654 orang peserta telah menghadiri program tersebut dengan pecahan seramai 248 orang (38%) Pekerja Domestik Asing (PDA), 318 orang (49%) majikan dan 88 orang (13%) wakil daripada Agensi Pekerjaan Swasta (APS).

### *Seminars and Dialogue in Related to the Employment of Foreign Domestic Workers*

*JTKSM is responsible for management of Foreign Domestic Workers (FDW) employment in Malaysia. Briefing sessions and FDW dialogues were implemented to achieve the objectives outlined as follows:*

*a) To provide knowledge and increase awareness of the benefits, welfare and types of protection under labour legislation and regulations among FDW and Private Employment Agencies (PEA);*

*b) To foster good relationship between employers, FDWs and PEA; and*

*c) To improve knowledge and understanding about the role of the law enforcement agencies in particular JTKSM.*

*By the year 2014, a total of 48 seminars were held throughout Peninsular Malaysia. A total of 654 participants attended the programme by a fraction of a total of 248 persons (38%) are Foreign Domestic Workers (FDW), 318 people (49%) are employers and 88 people (13%) are representatives from the Private Employment Agency (PEA).*

**Bilangan Peserta Menghadiri Seminar & Dialog Pekerja Domestik Asing Pada Tahun 2014**
*The number of Participants Attending Seminar & Dialogue on Foreign Domestic Workers in the Year of 2014*



Majikan
*Employee*
318



Agensi Pekerjaan Swasta
*Private Sector Agencies*
88



Pekerja Domestik Asing
Foreign Domestic Workers
248

**Sumber: Bahagian Pekerja Asing, JTKSM**
*Source: Foreign Workers Division, JTKSM*

## PENGURUSAN PERMIT, SIJIL, LESEN DAN PERAKUAN

### Permit Perburuhan

Permit Perburuhan dikeluarkan kepada majikan selepas mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja atau Menteri Sumber Manusia. Majikan boleh memohon untuk mendapat kelonggaran berkaitan pemakaian Undang-undang Buruh bagi mempermudahkan urusan operasi syarikat. Permit Perburuhan ini boleh dipohon oleh majikan swasta di Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran.

## *MANAGEMENT OF PERMITS, CERTIFICATES, LICENCES AND ACKNOWLEDGEMENT*

### *The Employment Permit*

*Employment permits are issued to the employer after obtaining permission from the Director General of Labour or the Minister of Human Resources. Employers can apply for leniency in relation to the application of labour law to facilitate their business operations. Labour permit can be applied by private employers through nearby Labour Office nearby.*

**Jadual 4: Jumlah Permit Yang Dikeluarkan Mengikut Jenis Permit Pada Tahun 2014**
*Table 4: The Number of Permits Issued According to the Permit Type in 2014*

| JENIS PERMIT / *TYPES OF PERMIT* | JUMLAH / *TOTAL* |
|---|---|
| Membayar Gaji Lewat / *Late Salary Payment* | 36 |
| Pendahuluan Gaji / *Salary Advances* | 32 |
| Potongan Gaji / *Payroll Deduction* | 1,326 |
| Wanita Kerja Malam / *Working Night Shift For Women* | 40 |
| Melebihi Sekatan Kerja Lebih Masa / *Exceeding Overtime Restriction* | 67 |
| Menyimpan Daftar Pekerja / *Employees Data Storing* | 117 |
| Kelonggaran Waktu Kerja Biasa / *Flexible Working Hours* | 12 |
| Skim Intensif Yang Diluluskan / *Approval Of Intensive Scheme* | 9 |
| Kerja Syif / *Shift Work* | 5 |
| Menyimpan Daftar Dalam Bentuk Lain / *Data Storing In Other Forms* | 16 |
| Penggajian Kanak-Kanak dan Orang Muda / *Employment of Children and Young Persons* | 143 |
| Pembayaran Gaji Melalui Akaun Bank / *Salary Payment Through Bank Accounts* | 1 |
| Penetapan Hari Rehat Pada Hari Lain / *Rest Day On Working Days* | 1 |
| Permit-Permit Lain / *Other Permits* | 56 |
| **JUMLAH / *TOTAL*** | **1,861** |



**Kelulusan Pelan**

JTKSM bertanggungjawab untuk memproses permohonan kelulusan pelan perumahan dan pusat asuhan kanak-kanak daripada majikan serta mengeluarkan surat kelulusan bagi pembinaan perumahan di ladang. Tanggungjawab ini telah diperuntukkan dalam Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).

***Plan Approval***

*JTKSM is responsible for processing approval applications for housing and childcare centers from employers and issue approval letters for the houses constructed in estates housing. This responsibility have been imposed by the Minimum Standards of Housing and Amenities Act 1990 (Act 446).*

***Carta 6: Bilangan Permohonan Untuk Kelulusan Pelan Pada Tahun 2014***
*Table 6: The number of Applications for Plan Approval in the Year 2014*






***Gambar 12: Contoh - contoh pelan perumahan di ladang***
*Figure 12: Examples of housing plans in estates*

**Sijil Layak Menduduki**

Akta 446 turut memperuntukkan supaya majikan ladang yang membina rumah di dalam kawasan ladang perlu mendapatkan kelulusan Sijil Layak Menduduki daripada JTKSM. Dalam hal ini, JTKSM menjalankan pemeriksaan terhadap perumahan yang telah siap dibina bagi memastikan pembinaan rumah tersebut mematuhi spesifikasi dan peraturan-peraturan yang ditetapkan berdasarkan pelan yang telah diberi kelulusan. Jumlah kelulusan Sijil Layak Menduduki yang direkodkan pada tahun 2014 adalah termasuk permohonan yang dibuat pada akhir tahun 2013.

***Certificate of Fitness***

*Act 446 also provides that an employer who builds a house in the estates must obtain approval through Certificate of Fitness from JTKSM. In this case, JTKSM will conduct the inspection of completed housing to ensure that the construction complies with specifications and regulations set forth by the plan that has been approved. The number of the Certificate of Fitness recorded in 2014 includes application that were made at the end of 2013.*

***Jadual 5: Bilangan Permohonan Sijil Layak Menduduki Pada Tahun 2014***
*Table 5 The Number of Applications for the Certificate of Fitness in the Year 2014*

| **Negeri** *States* | **Bilangan Permohonan Lengkap Yang Telah Diluluskan** *The Number On Complete Application Approved* |
|---|---|
| Johor | 5 |
| Kedah | 5 |
| Kelantan | 8 |
| Melaka | 2 |
| Negeri Sembilan | 3 |
| Pahang | 3 |
| Perak | 8 |
| Selangor | 3 |
| Terengganu | 6 |
| **JUMLAH** *TOTAL* | **43** |



***Gambar 13: Pegawai sedang menyemak permohonan kelulusan pelan perumahan ladang***
*Figure 13: Officers examining approval applications for housing in estates*

**Lesen Agensi Pekerjaan Swasta (APS)**

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menjalankan aktiviti dan urusan berkaitan APS hendaklah berdaftar dan mempunyai lesen sah yang dikeluarkan oleh JTKSM.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 126 lesen baharu APS telah dikeluarkan. Manakala sebanyak 1,096 adalah melibatkan pembaharuan lesen *(renewal)*. Selain itu, sejumlah 7 lesen endorsan juga telah dikeluarkan ke atas agensi yang berhasrat untuk melaksanakan penghantaran pekerja tempatan ke luar negara.

***Private Employment Agency (PEA) Licence***

*Private Employment Agencies Act 1981 (Act 246) provides that any person who carries out the activities and affairs related to PEA must be registered and have a valid license issued by JTKSM.*

*Throughout the year of 2014, a total of 126 PEA licenses were issued. While a total of 1,096 were for license renewal. In addition, a total of 7 endorsement licence were issued to agencies that intends to send local workers abroad.*

***Bilangan Pengeluaran Lesen-Lesen APS Di Bawah Akta 246 Pada Tahun 2014***
*Number of PEA Licences Issued Under Act 246 in 2014*



| JENIS-JENIS LESEN *TYPES OF LICENCE* | |
|---|---|
| Lesen Baharu *New licence* | 126 |
| Memperbaharui Lesen *Licence renewal* | 1,096 |
| Endorsan *Endorsment* | 7 |

## PENGURUSAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING

**Perakuan JobsMalaysia (JCS)**

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 8,550 permohonan pengambilan pekerja asing telah diterima. Berdasarkan pecahan 5 sektor utama bagi pengambilan pekerja asing, didapati sektor perkilangan merupakan sektor tertinggi yang membuat permohonan pekerja asing, diikuti sektor perkhidmatan, pertanian, pembinaan dan perladangan.

Sebanyak 6,148 atau 72% daripada permohonan pengambilan pekerja asing telah diluluskan manakala 2,402 atau 28% permohonan telah ditolak. Berdasarkan pecahan 5 sektor utama, sektor perkilangan merupakan sektor tertinggi telah mendapat kelulusan, diikuti sektor perkhidmatan, pertanian, pembinaan dan perladangan

Sektor perkhidmatan merupakan sektor tertinggi telah ditolak permohonannya iaitu sebanyak 788 permohonan, diikuti sektor perkilangan (676 permohonan), sektor pertanian (438 permohonan), sektor pembinaan (340 permohonan) dan sektor perladangan (160 permohonan).

## *FOREIGN WORKERS EMPLOYMENT MANAGEMENT*

***JobsMalaysia Acknowledgement (JCS)***

*Throughout the year of 2014, a total of 8,550 foreign workers recruitment application were received. Based on a breakdown of the 5 major sectors for foreign workers recruit, demands from the manufacturing sector is the highest followed by the services sector, agriculture, construction and plantations.*

*A total of 6,148 or 72% of foreign recruitment application were approved while 2,402 or 28% of applications were rejected. Based on a breakdown of the 5 major sectors, the manufacturing sector has the highest approval rate followed by the services sector, agriculture, construction and plantation*

*The services sector has the highest rejection rate namely 788 applications, followed by the manufacturing sector (676 applications), agriculture sector (438 applications), the construction sector (340 applications) and plantations sector (160 applications).*



**Carta 7: Bilangan permohonan perakuan JCS mengikut sektor pada tahun 2014**
*Chart 7: Numbers of JCS certificate application according to sector in 2014*




**Carta 8: Bilangan kelulusan permohonan perakuan JCS pada tahun 2014**
*Chart 8: Numbers of JCS certificate approved in 2014*




Sepanjang tahun 2014, seramai 177,273 orang atau 43% daripada bilangan pekerja asing yang telah diluluskan. Manakala 231,838 orang atau 57% lagi telah ditolak. Berdasarkan pecahan 5 sektor utama bagi pengambilan pekerja asing, didapati sektor perkilangan merupakan sektor teramai telah diberi kelulusan iaitu seramai 81,110 orang, diikuti sektor pembinaan seramai 14,944 orang, sektor perladangan seramai 18,435 orang, sektor pertanian seramai 16,902 orang dan sektor perkhidmatan seramai 12,882 orang.

*In 2014, a total of 177,273 people or 43% of foreign workers were approved while 231,838 people or 57% were rejected. Based on a breakdown of the 5 major sectors for foreign recruits, the manufacturing sector was found to be the largest sector with approval figure of 81,110 people, followed by the construction sector a total of 14,944 people, the plantation sector 18,435 people, agriculture sector a total of 16,902 people and the service sector about 12,882 people.*

**Carta 9: Bilangan kelulusan pekerja asing melalui pengeluaran perakuan JCS mengikut sektor tahun 2014**
*Chart 9: Number of foreign workers approval through the issuance of JCS certificates according to sector in 2014*



### Permohonan dan Kelulusan Pekerja Asing Warganegara Bangladesh

Permohonan pekerja asing Bangladesh melalui mekanisme Kerajaan kepada Kerajaan adalah merupakan hasil daripada perjanjian melalui Memorandum Persefahaman yang ditandatangani di antara kedua-dua kerajaan pada 26 November 2012. JTKSM telah dilantik sebagai urusetia Jawatankuasa Pengambilan Pekerja Bangladesh yang berfungsi sebagai pusat pengurusan bagi proses pengambilan dan kelulusan pekerja Bangladesh. Fasa pertama pengambilan pekerja Bangladesh adalah untuk memenuhi kekurangan pekerja di sektor perladangan khususnya tanaman kelapa sawit.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 33 majikan telah memohon untuk menggajikan pekerja Bangladesh di negara ini yang melibatkan kelulusan seramai 4,810 pekerja untuk bekerja dalam sektor perladangan.

### *Application and Approval of Foreign Workers of Bangladesh Citizens*

*Application for foreign workers of Bangladesh through mechanisms Government to Government (G to G) was established through Memorandum of Understanding signed between the two Governments on 26th of November 2012. JTKSM was appointed as the Secretariat for the Malaysia Commitee Application of Bangladesh and serves as a management centre for Bangladeshi recruitment and approval process. The first phase of Bangladeshi recruitment is to meet the shortage of workers in the plantation sector, especially oil palm plantations.*

*In 2014, a total of 33 employers have applied for Bangladesh workers employed in Malaysia involving the approval of a total of 4,810 employees for the plantations sector.*

**Bilangan Permohonan Dan Kelulusan Pekerja Asing Bangladesh Pada Tahun 2014**
*Number of Application and Approval of Foreign Workers Bangladesh in 2014*

| TAHUN *YEAR* | BIL. MAJIKAN MEMOHON *NUMBER OF EMPLOYERS APPLIED* | JUMLAH PEKERJA YANG DILULUSKAN *TOTAL OF APPROVED WORKERS* |
|---|---|---|
| 2014 | 33 | 4,810 |





**Gambar 14: Ketibaan pekerja warganegara Bangladesh di KLIA**
*Figure 14: The arrival of a Bangladeshi worker in KLIA*

**Perakuan Menggajikan Pekerja Domestik Indonesia (PDI)**

Pada tahun 2014, sebanyak 7,312 permohonan perakuan telah diterima oleh JTKSM sebelum dikemukakan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk pertimbangan dan kelulusan. Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 7,297 telah disyorkan, manakala 15 permohonan tidak disyorkan.

***Certificate of Indonesian Domestic Workers (IDW) Employed***

*In 2014, a total of 7,312 applications Certification has been received by JTKSM prior submission to the Immigration Department for consideration and approval. Of these, about 7,297 have been recommended, while 15 other applications were not recommended.*

***Carta 10: Bilangan Permohonan Perakuan Menggajikan PDI Pada Tahun 2014***
*Chart 10 Number of Application for IDW employment certificate in 2014*




***Sumber : Bahagian Pekerja Asing, JTKSM***
*Source: Foreign Workers Division, JTKSM*





***Gambar 15: Perjumpaan JTF ke-3 pada 7 Julai 2014 bersama Delegasi Kerajaan Bangladesh***
*Figure 15: The 3rd JTF Gathering on July 7, 2014 with the Bangladesh Government Delegation*


100
TAHUN
JTKSM
Product
Profit
Business
Team
Technology
Work
70%
DATA OPTIONS
35%
DATA OPTIONS
55%
DATA OPTIONS
20%
DATA OPTIONS
http://
KOMPAUN

# BAB 3:
# AKTIVITI-AKTIVITI PROMOSIONAL
## PROMOTIONAL ACTIVITIES



## Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGPOKU)

SBGPOKU merupakan projek pembangunan di bawah RMKe10 dengan peruntukan sebanyak RM10.5 juta bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015. Dua (2) objektif utama SBGPOKU adalah:

(i) Membantu usahawan OKU yang berpotensi mengembangkan perniagaan melalui bantuan yang diterima; dan

(ii) Meningkatkan penyertaan OKU dalam pekerjaan melalui pengembangan perniagaan usahawan OKU.

Pada tahun 2014, sejumlah RM1 juta telah diperuntukkan dengan sasaran sebanyak 40 usahawan OKU. Sasaran yang dicapai adalah sebanyak 37 OKU (92.5%) menerima geran dengan perbelanjaan sebenar sebanyak RM999,762.00.

## *Business Incentive Assistance Scheme for Disabled Persons (BIASDP)*

*BIASDP is a development project under the 10th Malaysia Plan with an allocation of RM10.5 million for the period of 2011 to 2015. Two (2) BIASDP main objectives are:*

*(i) To help disabled entrepreneurs develop their business potential through grant received; and*

*(ii) To increase the participation of disabled persons in employment through the developing business of entrepreneurs with disabilities.*

*In 2014, a total of RM1 million has been allocated targeting at 40 disabled entrepreneurs. Target achieved for grants recipient was 37 disabled people (57.5%) receive grants with the actual expenses of RM999,762.00.*

**Carta 11: Bilangan Penerima Geran SBGPOKU Mengikut Kategori Ketidakupayaan Bagi Tahun 2014**
*Chart 11 Number of BIASDP Grants Recipient in Disabilities Category for the year of 2014*





Sumber dari google.com
*Source from google.com*

**_Jenis Perusahaan yang Dijalankan oleh Penerima Geran SBGPOKU Bagi Tahun 2014_**
*Types of business run by BIASDP grant recipients for the year of 2014*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Bengkel<br>*Workshop*<br>7 | Jahitan<br>*Sewing*<br>2 | Penternakan<br>*Livestock*<br>4 | Refleksologi<br>*Reflexology*<br>5 |
| Peruncitan<br>*Retail*<br>2 | Perkhidmatan<br>*Services*<br>13 | Pemprosesan / Pembuatan<br>*Processing / Manufacturing*<br>3 | Kraftangan<br>*Handicrafts*<br>1 |
| JUMLAH<br>*Total*<br>37 | | | |





**_Gambar 16: Seminar Sokongan Pekerjaan untuk Orang Kurang Upaya (OKU)_**
*Figure 16: Employment Support Seminar for Persons with Disabilities (PWDs)*

## SOKONGAN PEKERJAAN OKU

JTKSM telah berusaha mempromosi dan memberi pendedahan kepada orang ramai khususnya majikan swasta mengenai insentif dan bantuan untuk menggajikan OKU. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah lawatan promosi ke premis majikan, dan mengadakan dua (2) kursus serta satu (1) seminar pada tahun 2014.

Kursus Asas Job Coach untuk Majikan Swasta Siri 1/2014, Kuala Lumpur, Ogos 2014 dan Kursus Asas Job Coach untuk Majikan Swasta Siri 2/2014, Johor Bahru, Johor Oktober 2014

| PENYERTAAN | IMPAK | MAJIKAN |
|---|---|---|
| ❖ 14 orang pegawai JTKSM<br>❖ 45 orang majikan swasta | ❖ Majikan swasta lebih terbuka dan bersedia untuk mengambil OKU bekerja.<br>❖ Terdapat majikan yang telah menetapkan kuota untuk menggaji OKU.<br>❖ Majikan swasta melaksanakan *in-house training* bagi melatih lebih ramai staff mereka membantu pekerja OKU. | ❖ Mr. D.I.Y Sdn. Bhd.: 1 OKU bagi setiap kedai/ cawangan.<br>❖ AEON Sdn. Bhd.: 1% OKU untuk setiap cawangan<br>❖ Shangri-La Group: 2% OKU untuk setiap hotel |

Seminar Sokongan Pekerjaan untuk OKU, Kuala Lumpur, Ogos 2014

| PENYERTAAN | MAJIKAN |
|---|---|
| ❖ 103 pegawai daripada pelbagai Jabatan/Agensi/Kementerian dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).<br>❖ 60 majikan swasta | 3 majikan aktif bagi anugerah *Job Coach*<br>❖ QSR Brand Berhad<br>❖ Mydin Mohamed Holdings Berhad<br>❖ GCH Retail (M) Sdn Bhd |

## *EMPLOYMENT SUPPORT FOR DISABLED PERSON*

*JTKSM have sought to promote and give exposure to the public, especially to private employers about the incentives and assistance to employ disabled people. Among the activities carried out includes promotional visit to the premises of the employer, and held 2 courses as well as 1 seminar in 2014.*

Basic Job Coach Course for Private Employers Serie 1/2014, Kuala Lumpur, August 2014 and Basic Job Coach Course for Private Employers Serie 2/2014, Johor Bahru, Johor October 2014

| *PARTICIPATION* | *IMPACT* | *EMPLOYER* |
|---|---|---|
| ❖ *14 JTKSM officials*<br>❖ *45 private employers* | ❖ *Private employers are more open and willing to hire the disabled persons.*<br>❖ *There are employers who have set quotas for employing disabled person.*<br>❖ *Private employers implements in-house training in order to train more staff to assist disabled workers* | ❖ *Mr. D.I.Y Sdn. Bhd.: 1 disabled person for each store/branch*<br>❖ *AEON Sdn. Bhd.: 1% disabled person for each branch*<br>❖ *Shangri-La Group: 2% of disabled persons for each hotel* |

*Seminar on Employment Support for Disabled, Kuala Lumpur, August 2014*

| *PARTICIPATION* | *EMPLOYER* |
|---|---|
| ❖ *103 officers from various departments/ agencies/ministries and institutions of higher education (IPTA).*<br>❖ *60 private employers* | *3 active employers for the Job Coach award*<br>❖ *QSR Brand Berhad*<br>❖ *Mydin Mohamed Holdings Berhad*<br>❖ *GCH Retail (M) Sdn Bhd* |

## AZAM (AKHIRI ZAMAN MISKIN) KERJA 1MALAYSIA

Program AZAM Kerja 1Malaysia adalah inisiatif yang bermatlamat mengeluarkan golongan sasaran daripada kemiskinan. Golongan sasar program ini terdiri daripada golongan miskin dan miskin tegar yang berdaftar dengan e-Kasih, golongan mudah terjejas (*vulnerable group*) yang berpendapatan rendah iaitu bekas banduan, bekas penagih dadah, pengidap HIV positif, ibu tunggal dan OKU. Program ini menyediakan:

## *AZAM (AKHIRI ZAMAN MISKIN) KERJA 1MALAYSIA*

*Azam Kerja 1Malaysia programme is an initiative aiming to remove the target group out of poverty. The target group consists of poor and terribly poor for those registered under e-Kasih, as well as lower income vulnerable groups such as former prisoners, former drug addicts, HIV positive patients, single mothers and the disabled. This programme provides:*

**01** Penawaran peluang pekerjaan dan penempatan
*Offers job opportunities and placement*

**02** Latihan kemahiran
*Skills training*

**03** Alternatif pencarian sumber pendapatan melalui aktiviti jana pendapatan
*The search for alternative income sources through income generating activities*

Menerusi pelbagai program yang dijalankan di bawah inisiatif ini, peserta bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan isirumah tetapi juga merubah minda dan bermotivasi supaya terus kekal berusaha meningkatkan pendapatan dan kerjaya.

*Through a variety of programs carried out under this initiative, the participants will be able to increase household incomes and also change their mindset and motivation to continue striving and improve the incomes and careers.*

### Pencapaian NKPI Program AZAM Kerja pada tahun 2014
*NKPI Performance of AZAM Kerja Programme in 2014*

**NKPI AZAM KERJA**

**NKPI 1**
Penyertaan baru peserta ekasih di dalam program azam dan dipantau sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum 31 Disember 2014
*New ekasih participation in the AZAM programme and monitored for at least 6 months before December 31, 2014*
SASARAN *TARGET*: **5,000** penyertaan *participation*
PENCAPAIAN *ACHIEVEMENT*: **5,198** penyertaan *participation*

**NKPI 2**
Penambahan pendapatan peserta azam sebanyak RM300 untuk 3 bulan dalam setahun
*Extra income for AZAM participants amounting to RM300 for 3 months in a year*
SASARAN *TARGET*: **3,100** peserta *participants*
PENCAPAIAN *ACHIEVEMENT*: **3,258** peserta *participants*

**NKPI 3**
Penyertaan peserta ekasih di dalam program celik kewangan (FLEP) sebelum 31 Disember 2014
*Participation of eKasih participants in financial literacy program (FLEP) before December 31, 2014*
SASARAN *TARGET*: **3,100** penyertaan *participation*
PENCAPAIAN *ACHIEVEMENT*: **3,258** penyertaan *participation*

**NKPI 4**
Bilangan projek bersama NGO atau korporat
*The number of projects with NGOs or corporate*
SASARAN *TARGET*: **10** projek *projects*
PENCAPAIAN *ACHIEVEMENT*: **10** projek *projects*

**NKPI 5**
Bilangan program berkelompok atau komuniti
*The number of groups or community programs*
SASARAN *TARGET*: **40** program *programme*
PENCAPAIAN *ACHIEVEMENT*: **40** program *programme*

**NKPI 6**
Memastikan 100% maklumat peserta ekasih yang menyertai program AZAM dikemaskini di dalam portal eKasih
*To ensure 100% of eKasih participant's information who participate in AZAM programme is updated in eKasih portal*
SASARAN *TARGET*: **100%** kemaskini *updates*
PENCAPAIAN *ACHIEVEMENT*: **100%** kemaskini *updates*

## PROGRAM 1PESARA

Program 1Pesara sebelum ini dikenali sebagai *1Malaysia Civil Service Retirement Support* (1MCSRS) adalah satu inisiatif terbaharu untuk menjaga kebajikan pesara penjawat awam di bawah pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*) dan diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). JTKSM melalui Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan (JobsMalaysia) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program dan penempatan di bawah Teras Panduan Bekerja Semula kepada golongan pesara awam yang berminat untuk bekerja semula. Pesara atau bakal pesara boleh mendaftar melalui laman sesawang JPA dan seterusnya profil mereka akan dipanjangkan oleh JPA kepada JobsMalaysia untuk padanan di dalam portal dan melalui program-program penempatan yang dijalankan di seluruh Malaysia samada secara *homeworking*, sepenuh masa atau separa masa. Selain dari Teras Panduan Bekerja Semula, terdapat 4 teras lain yang boleh diceburi oleh pesara awam, iaitu:

(a) Menceburi bidang keusahawanan;
(b) Bantuan kesihatan;
(c) Pengurusan kewangan; dan
(d) Kesejahteraan diri dan keluarga.

## *1PESARA PROGRAMME*

*1Pesara program formerly known as 1Malaysia Civil Service Retirement Support (1MCSRS) is a recent initiative for the welfare of retired civil servants under the National Blue Ocean Strategy and is led by the Public Service Department (PSD). JTKSM through the Employment Services Division (JobsMalaysia) has been responsible for implementing the program and placement under the Core Working Guide for retirees who are interested to work again. Retirees or pensioners will be able to register through the PSD website and their profile will be extended by the PSD to JobsMalaysia for matches in the portal and through programmes conducted in the settlements throughout Malaysia, either through homeworking, full-time or part-time. Apart from the Core Working Guide, there are four other core public retirees that retired civil servants could participate in, namely:*

*(a) Venture into entrepreneurship;*
*(b) Health assistance;*
*(c) Financial management; and*
*(d) Personal and family welfare.*

***Teras di bawah program 1Pesara***
*The core under 1Pesara program*







***Gambar 17: Karnival 1PESARA yang telah diadakan, kerjasama antara JPA dan Jobsmalaysia***
*Figure 17: 1PESARA Carnival organized with collaboration of PSD and JobsMalaysia*

Bagi mempromosi dan menyampaikan maklumat kepada golongan pesara dan bakal pesara, beberapa siri program telah dianjurkan oleh pihak JPA dan JobsMalaysia melalui Karnival Kerjaya yang dijalankan di seluruh Malaysia.

*To promote and convey information to the retirees and pensioners, a series of programmes have been organized by the PSD and JobsMalaysia through Career Fair conducted throughout Malaysia.*

JPA · NBOS STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN · jobsmalaysia.gov.my "Gerbang Kerjaya Interaktif Anda"




**Gambar 18: Aktiviti yang telah diadakan sempena Karnival 1PESARA**
*Figure 18: Activities held during 1PESARA Carnival*

## PEMBANGUNAN KOMUNITI LADANG

## *ESTATE COMMUNITY DEVELOPMENT*

JTKSM bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan & perlindungan kepada komuniti di ladang berkaitan perumahan dan kemudahan-kemudahan di ladang. Aktiviti dikuatkuasakan berdasarkan peruntukan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Akta ini terpakai di Semenanjung Malaysia dan tertakluk kepada ladang-ladang yang berkeluasan melebihi 20 hektar tanpa mengira jenis tanaman.

*JTKSM is responsible for the welfare and protection of the communities in matters related to housing and other facilities on the estate. Activities implemented are according to the requirements of Minimum Standards of Housing and Amenities Act 1990. This Act applies in Peninsular Malaysia and is subjected to estates with an area exceeding 20 hectares, regardless of the type of crop.*

Kemudahan-kemudahan lain yang perlu disediakan oleh majikan adalah:-

*Other facilities that employers must provide are: -*

- Pusat Asuhan Kanak Kanak / *Child Care Center*
- Dewan Komuniti / *Community Hall*
- Elektrik / *Electricity*
- Air Bersih / *Clean Water*
- Hospital/Klinik / *Hospital / Clinic*
- Tanah Untuk Tanaman & Ragut / *Land For Crops*
- Tempat Beribadat / *Worshipping Area*
- Jalan Berturap / *Paved Roads*

Kerajaan sentiasa peka dan menghargai sumbangan besar pekerja-pekerja ladang dalam eksport komoditi sektor perladangan dan pendapatan negara. Justeru itu, kerajaan mewujudkan beberapa inisiatif yang memberi faedah dan menjaga kebajikan pekerja ladang. Antara inisiatif tersebut adalah Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE) dan Bekalan Air Awam Estet (BAAE).

*Government is aware and appreciates the great contribution of estate workers in the plantation sectors and in export commodity revenues. Therefore, the government established a number of initiatives that benefits and to manage the welfare of plantation workers. Among the initiatives was a Special Home Financing Scheme for Estate Workers (SHFSEW) and the Public Water Supply for Estates (PWSE).*

## Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE)

## *Special Home Financing Scheme for Estate Workers (SHFSEW)*

SKRE merupakan projek di bawah RMK10 dengan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi tempoh 2011 – 2015. Bagi tahun 2014, sebanyak RM800,000 telah dibelanjakan.

*SHFSEW is under 10th Malaysia Plan with an allocation of RM50 million for the period of 2011 to 2015. For the year 2014, a total of RM800,000 was spent.*

**Carta 12: Bilangan Permohonan SKRE Pada Tahun 2014**
*Chart 12: The number of SHFSEW application in the year of 2014*









**Gambar 19: Contoh rumah kos rendah di bawah skim khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE)**
*Figure 19: Examples of low cost housing under SKRE*

**Bekalan Air Awam Estet (BAAE)**

Program ini telah diperkenalkan pada tahun 2012 yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan taraf hidup komuniti ladang melalui penyambungan bekalan air bersih dari sumber awam. Inisiatif ini diharap dapat menarik minat pekerja tempatan untuk bekerja dan seterusnya kekal dalam pekerjaan di sektor perladangan. Program ini dijalankan kepada ladang-ladang yang berkeluasan 1,000 ekar ke atas dengan jarak 5 km atau kurang dari punca bekalan air awam. Sebanyak RM 50 juta telah diperuntukkan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015). Bagi tempoh 2011 hingga 2014, sebanyak RM48 juta telah dibelanjakan ke atas 56 ladang yang terlibat.

***Pencapaian BAAE Pada Tahun 2014***
*PWSE Performance in 2014*

**56** Ladang
*Estates*

**41** Ladang siap sepenuhnya(mendapat Bekalan air paip)
*Estates completed (gain water supply pipe)*

**15** Ladang siap pemasangan paip luaran oleh ksm (masih dalam proses pemasangan paip dalaman oleh pihak majikan ladang)
*Estate that completed outdoor pipe installation by ksm (still in the process of installing indoor plumbing by estate employers)*

**13,491** Pekerja ladang tanggungan mendapat manfaat
*Estate workers Responsible for has benefited*

***Public Water Supply for Estate (PWSE)***

*This programme was introduced in 2012 that aims to improve the quality and standard of living for the estate communities through the continuation of clean water supply from public resources. This initiative is expected to attract locals to work and remain in employment for the plantation sector. The programme is implemented to estates with an area of 1,000 acres over a distance of 5 km or less from the public water supply sources. A total of RM50 million has been allocated for the period of the 10th Malaysia Plan (2011-2015). For the period of 2011 to 2014, a total of RM48 million has been spent on 56 farms involved.*

***Bilangan Estet Mengikut Negeri Pada Tahun 2014***
*Number of estates according to state for the year of 2014*

**Kedah**
Bilangan estet *Number of estate* **3**

**Perak**
Bilangan estet *Number of estate* **11**

**N. Sembilan**
Bilangan estet *Number of estate* **8**

**Melaka**
Bilangan estet *Number of estate* **3**

**Johor**
Bilangan estet *Number of estate* **16**

**Pahang**
Bilangan estet *Number of estate* **9**

**Terengganu**
Bilangan estet *Number of estate* **5**

**Kelantan**
Bilangan estet *Number of estate* **1**



# Kisah Kejayaan/ Ucapan Terima Kasih
# Success Stories / Acknowledgements



Lawatan kerja oleh YBhg. Dato Seri Saripuddin Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia ke Ladang Ulu Sebol B bagi merasmikan Projek Bekalan Air Awam di ladang tersebut.

*Work visit by YBhg. Dato Seri Saripuddin Kasim, Secretary General of the Ministry of Human Resources to Ladang Ulu Sebol B for the opening ceremony of the Public Water Supply Project in the estate.*




“ Bagi pihak Syarikat Tradewinds Plantation Management Sdn Bhd dari Ladang Ulu Sebol B, Johor, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan sokongan kerajaan dan pihak Jabatan Tenaga Kerja dalam menjayakan Projek Bekalan Air Awam di ladang ini ”.

*Pengurus Syarikat Tradewinds Plantation Management Sdn Bhd*

*“On behalf of Tradewinds Plantation Management Sdn Bhd from Ladang Ulu Sebol B, Johor, I would like to thank you for the cooperation and government support and the Department of Labour in the success of the Public Water Supply Project for the estate”.*

*Manager of Tradewinds Plantation Management Sdn Bhd*



“Dengan adanya bekalan air bersih di ladang ini, kehidupan harian saya kini lebih bermakna. Terima kasih diucapkan kepada pihak majikan dan Jabatan Tenaga Kerja kerana memahami keperluan kami”.

*Wakil pekerja ladang*

*“With the availability of clean water supply in this estate, my daily life now becomes more meaningful. Thank you to the employer and the Labour Department for understanding our needs. “*

*Representatives of estate workers*

## AKTIVITI PROMOSI PENCEGAHAN DAN PEMBASMIAN KES GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

Pada tahun 2014, sebanyak 450 Promosi Kesedaran Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual Ditempat Kerja telah dianjurkan oleh JTKSM.

## *PROMOTIONAL ACTIVITIES FOR THE PREVENTION AND ERADICATION OF SEXUAL HARASSMENT AT THE WORKPLACE*

*In 2014, as many as 450 Awareness Campaign Prevention and Eradication of Sexual Harassment at the Workplace have been organized by JTKSM.*




- Pada tahun 1999, JTKSM telah menggubal Kod Amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja. Kod Amalan ini bertujuan untuk memberi panduan yang praktikal kepada majikan, pekerja, kesatuan sekerja dan pihak-pihak yang berkaitan dalam melindungi maruah diri pekerja-pekerja lelaki dan wanita.

- Bermula pada tahun 2012, JTKSM telah membuat penambahan Bahagian XVA (Gangguan Seksual) ke dalam Akta Kerja 1955. Bahagian ini bertindak sebagai satu perundangan yang khas bagi membasmi kemungkinan isu gangguan seksual di tempat kerja. Penambahan bahagian ini turut terpakai kepada setiap pekerja yang diambil kerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan tanpa mengira upah pekerja tersebut.

- Pada tahun 2014, JTKSM telah mula menyediakan draf Peraturan-Peraturan bagi Pengendalian Aduan Gangguan Seksual di tempat kerja.

- *In 1999, JTKSM has formulated the Code of Conduct to prevent and eradicate sexual harassment at the workplace. The Code of Practice intends to give practical guidance to employers, employees, trade unions and parties related to protecting the dignity of workers, both men and women.*

- *Starting from 2012, JTKSM has made additions to Part XVA (Sexual Harassment) into the Employment Act 1955. This section serves as a special legislation to eradicate the possibility of sexual harassment at the workplace. Additions to the section also applies to every employee employed under a contract of service regardless of the wages received by the employee.*

- *In 2014, JTKSM has commence preparation of the regulations draft for Sexual Harrasment Complaint Handling at the workplace.*


22.3.3.55
85.3.66.1
TECHNOLOGY

# BAB 4:
# AKTIVITI TADBIR URUS
## GOVERNANCE ACTIVITIES



## PEMBANGUNAN & PENGURUSAN

**Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan 2014**

Persidangan Tahunan Pegawai-pegawai Kanan JTKSM telah diadakan pada 20 hingga 22 Januari 2014. Persidangan ini telah membincang dan mengesahkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) setiap bahagian serta menjadi medium perbincangan antara pihak Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-pegawai Kanan dalam mencari resolusi terbaik untuk mencapai visi dan misi JTKSM. Resolusi yang telah diputuskan adalah seperti berikut:-

### RESOLUSI
### PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
### JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2014

Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) yang berlangsung di Johor Bahru, Johor dari 20 hingga 22 Januari 2014, setelah membincangkan pencapaian 2013 dan halatuju serta penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) JTKSM 2014 berkaitan dengan aktiviti-aktiviti perburuhan, telah mengambil maklum dan bersetuju:-

i. memperakui kepentingan pelaksanaan sasaran kerja tahunan 2014 mengikut ketetapan yang digariskan dalam kamus *Business Plan* menjadi agenda pelaksanaan tindakan terancang sebagai panduan dan rujukan dalam menentukan halatuju pencapaian aktiviti-aktiviti JTKSM bagi tahun 2014;

ii. mengambil maklum dan melaksanakan tindakan terhadap amanat Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia yang telah mengutarakan cabaran-cabaran berhubung perkara-perkara seperti berikut:-

- penyampaian perkhidmatan yang mantap;
- hubungan dan kepuasan pelanggan;
- hubungan dengan *stakeholders*;
- menjalinkan hubungan yang konstruktif dengan rakan-rakan sosial (majikan dan pekerja serta kesatuan);
- mengutamakan audit untuk pemantauan aktiviti-aktiviti;
- menitikberatkan soal dan integriti dalam perkhidmatan;

## DEVELOPMENT & MANAGEMENT

***Senior Officers Conference 2014***

